

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN HJ. HASBI BIN HJ. HABIBOLLAH**  
**KAWASAN : LIMBANG**  
**TARIKH : 12 MAC 2015, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH (LIMBANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:**

- (a) apakah langkah Kementerian untuk memastikan jalan utama Pan Borneo khususnya di Limbang tidak akan terputus akibat fenomena banjir besar yang dijangka kerap berlaku; dan
- (b) apakah Kementerian akan mengubah jajaran Pan Borneo di kawasan Parlimen Limbang untuk mengelak daripada berulangnya jalan raya terputus akibat banjir.

160

**JAWAPAN:**

(jawapan a dan b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum mengenai infrastruktur Jalan Persekutuan di Limbang yang terlibat dengan banjir pada bulan Januari 2015 yang lalu.

Bencana tersebut disebabkan oleh faktor hujan lebat yang luar biasa sehingga menenggelamkan jalan-jalan utama di Limbang, Sarawak. Berikutan itu, kementerian ini akan mengkaji cadangan untuk meninggikan aras jalan di lokasi-lokasi jalan persekutuan yang rendah di Limbang, iaitu sekurang-kurangnya 1 meter dari aras jalan yang sedia ada.

Mengenai cadangan mengubah jajaran Jalan Pan Borneo di Limbang pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan penetapan jajaran tersebut akan ditentukan setelah perjanjian konsesi penswastaaan Jalan Pan Borneo Negeri Sarawak dimuktamadkan dengan pihak konsesi dalam tempoh masa terdekat ini.

Sekian. Terima kasih.